

Kemahiran bertukang generasi lama

JIKA pada masa kini sektor pembinaan moden giat mempromosikan manfaat teknologi hijau, hakikatnya konsep itu telah diaplikasikan oleh tukang rumah tradisional Melayu sejak sekian lama.

Ketua Kumpulan Penyelidikan Warisan Alam Budaya dan Reka Bentuk Islam, Fakulti Rekabentuk dan Alam Bina, Universiti Putra Malaysia, Prof. Madya Dr. Nangkula Utaberta berkata, tukang rumah pada zaman dahulu tidak menerima pendidikan formal dalam bidang seni bina tetapi mewarisinya secara turun temurun.

“Prinsip asas yang digunakan ialah bagaimana menghasilkan sebuah bangunan murah dari aspek

pembuatan, perawatan, mudah dibuat dan diterima masyarakat sekitarnya. Jadi bahan yang diperlukan tersedia di sekeliling mereka.

“Jika rosak, ia mudah ditukar. Ini yang disebut asas teknologi hijau iaitu teknologi berakar kepada iklim, budaya dan potensi yang ada di kawasan asal sesuatu bangunan itu dibina,” katanya ketika dihubungi *Kosmo!* baru-baru ini.

Tambahnya, sistem tanggam yang sistematik tanpa melibatkan penggunaan paku menjadi bukti bahawa generasi tukang terdahulu mempunyai kemahiran tinggi dalam

ilmu seni bina.

Pernah menulis sebuah buku mengenai tanggam tradisional, beliau berkata, kelebihan bangunan tersebut ialah ia boleh dibuka dan dibina semula tanpa menjejaskan kayu sedia ada. Sistem tanggam atau sambungan tanpa paku yang digunakan oleh tukang dahulu mirip Sistem Binaan Berindustri (IBS) bahkan ia jauh lebih hebat daripada sistem IBS yang diveduk dari



NANGKULA

Barat.

“Sistem tanggam yang diguna pakai tukang tradisional sangat tepat kerana mereka memahami karakter bahan binaan yang

digunakan. Mereka juga memahami keadaan cuaca dan iklim tempatan dengan baik sekali.

“Seni bina Barat sesuai untuk masyarakat di sana. Tidak salah belajar dari Barat cuma ia perlu dikembalikan kepada keadaan, keperluan dan potensi yang ada pada negara kita,” katanya.

Beliau berpendapat, pendidikan seni bina yang berakar umbi daripada budaya dan gaya hidup tradisi perlu dikembangkan sesuai dengan keperluan moden dan semangat sezaman masyarakat setempat.

“Kita perlu belajar banyak kepada seni bina tradisional yang kian dilupakan. Inilah cabaran besar identiti seni bina kita,” tuturnya.